

MUZAKARAH ZAKAT **ASET DIGITAL 2020** STATUS DAN PROSPEK MASA HADAPAN



Hj. Ahmad Shukri Yusoff

KETUA PEGAWAI
 EKSEKUTIF
 PPZ-MAIWP



Dato' Seri Dr. Hj. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

MUFTI WILAYAH
 PERSEKUTUAN



Datuk Dr. Mohd Daud Bakar

PRESIDEN
 UNIVERSITI ISLAM
 ANTARABANGSA MALAYSIA
 (UIAM)



Ustaz Wan Rumaizi Wan Hussin

PANEL SYARIAH
 AL-RAJHI BANK, TABUNG HAJI,
 BANK RAKYAT & PRU BSN
 TAKAFUL MALAYSIA



Dr. Rizal Mohd Nor

PEM. PROF. DI KULLIYAH
 TEKNOLOGI MAKLUMAT &
 KOMUNIKASI (UIAM)

ATURCARA

MASA	PERKARA
8.00am - 9.00am	Pendaftaran & Sarapan pagi
9.00am - 10.30am	Forum: Dimensi Baru Zakat Dalam Perkembangan Teknologi : Peluang dan Persediaan Ustaz Wan Rumaizi Wan Hussin En. Azhan Ismail Dr. Mohd Shahid Mohd Noh (Moderator)
10.30am - 10.45am	Minum pagi
10.45am - 11.00am	Ucapan Aluan Hj. Ahmad Shukri bin Yusoff Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP
11.00am - 11.45am	Majlis Perasmian Dato' Seri Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan

MASA	PERKARA
11.45am - 12.30pm	Pembentangan 1: Dr. Rizal Mohd Nor, UIAM Fintech, Blockchain & Crypto-Currency: Perkembangan Dan Cabaran Semasa
12.30pm - 2.30pm	Makan tengah hari dan Solat
2.30pm - 3.30pm	Pembentangan 2: Datuk Dr. Mohd Daud Bakar Presiden UIAM Potensi Zakat Terhadap Aset Digital
3.30pm - 4.00pm	Pembentangan Resolusi Muzakarah
4.00pm - 4.30pm	Minum petang & Bersurai

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI :
 Ikhlas: 014-8399331 | Muhsin: 012-9108144 | Saiful: 013-4532544
 Emel : azka@zakat.com.my

ANJURAN BERSAMA



UNTUK PENDAFTARAN :

Link :
 (<https://qrco.de/MuzakarahZakat2020>)

Imbas QR :
 (untuk terus ke link pendaftaran)



RESOLUSI MUZAKARAH ZAKAT ASET DIGITAL 2020

Anjuran AZKA, PPZ-MAIWP dan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
UM

25 Februari 2020

The Cube, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

- 1- Muzakarah ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 25 Februari 2020 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ia melibatkan 4 sesi utama iaitu satu sesi forum, sesi perasmian dan dua sesi pembentangan ucapnama.
- 2- Daripada empat sesi utama tersebut, resolusi muzakarah ini digarap oleh ahli jawatankuasa khusus Muzakarah Zakat Aset Digital 2020.
- 3- Dalam aspek zakat aset digital, perkara pertama yang perlu diberi perhatian adalah sejauh mana pusat zakat hari ini berhadapan dengan perkembangan teknologi. Perbincangan panel forum “Dimensi Baru Zakat Dalam Perkembangan Teknologi: Peluang dan Persediaan”.
- 4- Sejarah perkembangan teknologi telah memberi kesan kepada kewujudan aset baharu dalam Islam. Kewujudan aset ini kemudiannya diperbincangkan dalam konteks zakat. Aset baharu yang dimaksudkan seperti hak cipta, harta intelek, akaun laman sosial, mata wang digital dan sebagainya.
- 5- Aspek kekayaan juga menjadi satu perbincangan dengan maksud adakah pemilik aset digital ini boleh dikategorikan sebagai orang kaya.
- 6- Selain itu, dimensi lain yang perlu diberi perhatian adalah sejauh mana persediaan pusat zakat untuk mengenakan zakat pada aset digital, apakah medium kutipan, simpanan dan agihan yang perlu diwujudkan atau diperkasakan. Bersediakah asnaf untuk menerima zakat dalam bentuk digital dan seumpamanya. Persoalan ini memerlukan satu perbincangan yang lebih mendalam dengan melibatkan pelbagai pihak.
- 7- Salah satu aset digital yang menjadi perhatian dalam muzakarah ini adalah mata wang kripto. Penjelasan mata wang kripto ini dari sudut fungsi, hakikat dan penggunaannya telah dibincangkan dalam satu sesi ucapnama “Fintech, Blockchain & Crypto-Currency: Perkembangan dan Cabaran Semasa”. Peserta didedahkan apakah hakikat aset ini adakah ia bernilai dan mempunyai kedudukan dalam perbincangan harta dalam Islam.
- 8- Perkembangan mata wang kripto dilihat mempunyai potensi yang besar untuk digunakan oleh masyarakat pada masa akan datang. Hal ini jelas dengan

kewujudan mata wang digital atau transaksi tanpa tunai yang telah diaplikasikan secara meluas. Kewujudan perbankan atas talian dan e-wallet sebagai bukti perkembangan yang positif terhadap penerimaan mata wang kripto. Oleh kerana itu, pusat zakat perlu bergerak seiring dalam membincangkan aspek zakat mata wang kripto ini.

- 9- Sesi ucaptama seterusnya membincangkan “Fintech, Blockchain & Crypto-Currency: Perkembangan dan Cabaran Semasa”. Perbincangan yang jelas bahawa perubahan semasa memberi kesan kepada perubahan hukum. Begitu juga apabila aset yang dahulunya tidak wujud kemudian wujud pada masa kini mempunyai hukum yang khusus. Muftahid semasa perlu mendefinisikan aset tersebut dengan pertimbangan yang selari dengan semangat syariah.
- 10- Mata wang kripto atau aset digital secara umum dilihat memberi manfaat kepada umat Islam. Perlaburan yang mampu mendatangkan keuntungan. Oleh itu aset digital ini mempunyai sifat subur yang menjadi asas kepada kewajipan zakat.
- 11- Kajian yang mendalam perlu dijalankan mengenai zakat aset digital ini. Kajian dari pelbagai aspek perlu dilaksanakan seperti aset digital sebagai aset zakat, pengurusan zakat aset digital, penerimaan masyarakat terhadap zakat aset digital, perakaunan zakat aset digital, kesediaan pusat zakat terhadap zakat aset digital dan sebagainya.
- 12- Kajian yang melibatkan pelbagai perspektif dan lapangan adalah suatu usaha yang perlu digalakkan seperti kajian hukum Islam, perakaunan dan bidang teknologi.
- 13- Semoga usaha seumpama ini dapat diteruskan kelak dan mendapat kerjasama dari pelbagai pihak.

Dibentangkan oleh

Dr. Muhammad Ikhlas Rosele
Pengarah
Muzakarah Zakat Aset Digital 2020